




**BAB PERTAMA**



## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### A. Latarbelakang masalah

Sebelum melanjutkan penulisan ini secara terperinci, penulis merasakan adalah perlu untuk menggambarkan secara umum tentang latar belakang tempat kajian iaitu Wilayah Persekutuan.

Wilayah Persekutuan ataupun lebih dikenali dengan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan salah sebuah negeri yang terletak dalam Negara Malaysia. Kuala Lumpur yang dulunya merupakan ibu negeri bagi Negeri Selangor dan juga ibu kota Negara Malaysia telah tidak dapat menjalankan kedua-dua fungsinya dengan serentak. Justeru itu langkah-langkah telah dijalankan bagi membentuk Wilayah Persekutuan sebagai kotaraya ibu negara Malaysia.<sup>1</sup>

Pada tahun 1974, Sultan Selangor telah dengan rasminya menyerahkan kotaraya ini kepada Yang Di Pertuan Agong yang ketika itu adalah Sultan Kedah sekarang ini.<sup>2</sup> Ianya juga adalah diwujudkan oleh pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang berkuatkuasa mulai 1hb.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Kuala Lumpur, Penerbit PTM Communication, Ceta  
ka: U Book Company Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, hal. 20

<sup>2</sup> Ibid.

Februari 1974.<sup>1</sup> Dari sudut geografinya Wilayah Persekutuan dianggap  
 ini mempunyai keluasan seluas 400 petak atau 243.45 km per-  
 c. i. Ianya terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di  
 pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak.<sup>2</sup>

Penduduknya adalah terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan  
 yang terbesarnya ialah bangsa Cina kemudian diikuti oleh bangsa Me-  
 layu dan diikuti pula oleh bangsa India. Menurut angka yang telah  
 dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu pada tahun 1986, bang-  
 sa Cina merupakan penduduk yang teramai sekali iaitu mewakili 50.2 %  
 daripada jumlah penduduk yang seramai 1,130,562 orang, kemudian di-  
 kuti oleh bangsa Melayu sebanyak 35% daripada jumlah penduduk yang  
 ada dan bangsa India pula mencapai 13.8% dari nishah penduduknya dan  
 lain-lain bangsa cuma 1% sahaja.<sup>3</sup> (lihat lampiran 2)

Mengikut umur pula 65% daripada penduduk kota Kuala Lumpur i-  
 ni adalah berumur 25 tahun ke bawah.<sup>4</sup> Ini adalah disebabkan oleh  
 penghijrahan muda mudi dari desa iaitu sama ada mereka datang untuk

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, City Hall of Kuala Lumpur, Information Hand  
 book, Terbitan Perhubungan Awam dan Jabatan Kebudayaan Dewan Benda-  
 raya Kuala Lumpur, hal. 4

<sup>2</sup> \_\_\_\_\_, Kuala Lumpur The City Of Our Age, Ling Wah  
 Press Sdn. Bhd, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, hal. 9.

<sup>3</sup> \_\_\_\_\_, Federal Territory of 1940 - 1980, Jabatan Perang-  
 kaan Malaysia, Kuala Lumpur 1980, hal. 19

<sup>4</sup> \_\_\_\_\_, Kuala Lumpur, op. cit., hal. 29

menimba ilmu pengetahuan di Institusi Pengajian Tinggi ataupun untuk mencari peluang-peluang pekerjaan di firma-firma ataupun di Jabatan-jabatan kerajaan.

Cara kehidupan masyarakat kota di Wilayah Persekutuan ini lebih nyata kebaratan daripada cara hidup beragama. Contohnya, orang Eropah telah menunjukkan teladan dengan menubuhkan kelab-kelab istirehat dan hiburan, reparuh dari penduduk Asia terutamanya hartawan Cina juga menubuhkan kelab-kelab mereka sendiri begitu juga Persatuan Kebudayaan Tamil.<sup>1</sup>

Taraf hidup penduduk di sini adalah tinggi jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Malaysia. Pendapatan bulanan purata bagi rumahtangga ialah dua kali pendapatan negara sebanyak M\$ 265 sebulan.

Penduduk yang berbilang ras juga membawa pelbagai agama. Sungguhpun Islam sebagai agama rasmi seperti mana yang tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia perkara 3 bahawa "Islam ialah agama Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan".<sup>2</sup> Namun demikian kebebasan beragama

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Pergerakan dan Tindakan Kuala Lumpur, 1 Februari 1972, hal. 1.

<sup>2</sup> Prof. Ahmad Ibrahim, Sistem Undang-undang di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan kedua 1986, hal. 51

Islam di Wilayah Persekutuan keseluruhannya. Ianya ditubuhkan pada 1hb. Februari 1974 iaitu berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.<sup>1</sup> Di dalam pentadbiran JAWI ini terdapat dua bahagian yang lihas ke atas penyebaran Da<sup>c</sup>wah Islamiah di Wilayah Persekutuan iaitu yang dinamai dengan Sub Unit Saudara Baru dan Sub Unit Da<sup>c</sup>wah.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Sub Unit Saudara Baru ialah mengendalikn pengislaman non-muslim, mengadakan kelas pengajian, memberi khidmat dan nasihat ataupun runding cara, memberi bantuan pembelajaran dan memberi pertolongan dalam bentuk kebajikan.

Manakala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Sub Unit Da<sup>c</sup>wah pula adalah seperti berikut :-

- a) Ceramah agama di Jahntan-jahatan Kerajaan, masjid, surau, madrasah dan sekolah.
- b) Kelas pengajian berciri di masjid, madrasah, surau, Jabatan Kerajaan dan swasta.
- c) Ceramah umum di hari-hari ketesaran Islam.
- d) Ceramah khas bulan Ramadhan.
- e) Memberi ceramah kepada badan-badan yang mengarjurkan kursus seperti Institiut Latihan Pos, Pusat Latihan Polis, Pusat Latihan Talikom, Jabatan Penerangan, Pertatuan Belia dan Guru Kemas.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Pengenalan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Unit Penerbitan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Cetakan 1987, hal. 2

- f) Muzakarah Da<sup>o</sup>wah .
- g) Ceramah bagi kakitangan Jabatan-jabatan Luar di waktu lu-  
ar pejabat pada tiap-tiap hari Sabtu di Jabatan Agama Is-  
lam Wilayah Persekutuan.
- h) Melas agama di masjid-masjid di tiap-tiap hari Sabtu 2-4  
petang.
- i) Kursus kefahaman Islam kakitangan kerajaan di Wilayah Per-  
sekutuan.
- j) Kursus kefahaman Islam Kakitangan Jawi terdiri dari Kumpul-  
an C dan D.
- k) Kursus Keedaran Islam wanita kumpulan A Wilayah Perseku-  
tuan.

Di samping aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti di atas,  
Sub Unit Da<sup>o</sup>wah juga mengelolakan Program Sijil Pengajian Islam de-  
ngan kerjasama dari pensyarah-pensyarah Universiti tempatan seperti  
dari Universiti Islam Antarabangsa , Fakulti Pengajian Islam Univer-  
siti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Islam , Universiti Malaya.<sup>1</sup>

Selain JAWI, INDALI juga memainkan peranannya yang penting da-  
lam usaha meninggikan syiar Islam di Wilayah Persekutuan. Khususnya  
dan di seluruh Malaysiaannya.

---

<sup>1</sup> Temu bual dengan Ustaz Aziz Che' Ya'qub, Penolong Pengarah  
Balagian Da<sup>o</sup>wah JAWI, di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan  
pada 8.8.1989, 10 - 11.30 petang.

INDAH atau Institut Da<sup>o</sup>wah dan Latihan Islam (bahagian Agensi Jabatan Perdana Menteri) telah ditubuhkan pada bulan Rabiulawal 1394 bertepatan bulan April tahun 1974. Penubuhannya adalah bagi memenuhi hasrat dan cita-cita seluruh umat Islam Di negara ini yang ingin melihat wujudnya sebuah Institusi Da<sup>o</sup>wah yang bertanggungjawab melaksanakan kegiatan-kegiatan da<sup>o</sup>wah di peringkat pusat.<sup>1</sup>

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh INDAH tertahagi kepada 3 unit iaitu Unit Kursus Da<sup>o</sup>wah dan Latihan, Unit Da<sup>o</sup>wah Khas dan Unit Da<sup>o</sup>wah Umum. Aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam Unit Da<sup>o</sup>wah dan Latihan ialah seperti berikut :-

- a) Kursus Da<sup>o</sup>wah asas.
- b) Kursus Da<sup>o</sup>wah lanjutan.
- c) Kursus Perka<sup>o</sup>iran Da<sup>o</sup>wah.
- d) Kursus tatabahasa Al-Quran.
- e) Kursus falak Syarie.
- f) Kursus Tasawuf.

Sementara aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam Unit Da<sup>o</sup>wah Khas ialah seperti berikut :-

- a) Kursus pemulihan akhlaq.
- b) Kursus pemulihan dadah.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Institut Da<sup>o</sup>wah dan Latihan Islam, bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Percetakan Negeri Sel. Bhd, Kuala Lumpur, hal. 1

- c) Kursus Kumpulan bermasalah.
- d) Kursus tenduan penjara dan pusat tahanan pemulihan akhlak.

Sementara aktiviti yang dijalankan oleh Unit Da<sup>c</sup>wah umum pula meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut :-

- a) Ceramah jemputan.
- b) Da<sup>c</sup>wah bergerak dan belia.
- c) Kelas pengajian di Jabatan Kerajaan dan di kilang-kilang.
- d) Muzakarah.<sup>1</sup>

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas INDAH juga bergiat dalam menyebarkan Da<sup>c</sup>wah Islamiah kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Untuk tujuan ini INDAH bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam menjayakan perannya.<sup>2</sup>

Selain dari INDAH dan JAWI di sini juga terdapat Yayasan Da<sup>c</sup>wah Islamiah yang telah ditubuhkan pada tahun 1974 oleh Kerajaan Malaysia sebagai sebuah badan berdaftar yang benar. Lembaga Pengarah adalah dilantik oleh Perdana Menteri sendiri. Matlamat utama Badan Da<sup>c</sup>wah ini ialah menyelaraskan keriatan-kegiatan da<sup>c</sup>wah Islamiah di Malaysia.

---

<sup>1</sup> Terjemua dengan Uctaz Mohammad Shahir Bin Abdullah, Pengarah Bahagian Da<sup>c</sup>wah Pusat Islam Malaysia, di Pusat Islam pada 14.7.1979, 9.40 - 11.30 Tengahari.

<sup>2</sup> Ibid.

Di antara aktiviti-aktiviti yang selalu dijalankan oleh Badan Da'wah ini ialah seperti berikut :-

- a) Membuat perundingan-perundingan sesama dengan ketua-ketua atau wakil-wakil setiap pertubuhan da'wah di Malaysia dengan tujuan menyelaraskan kegiatan da'wah dan membincangkan masalah-masalah yang timbul.
- b) Mengadakan ceramah dan kursus da'wah.
- c) Menghantar p-nayarah-penayarah ke kuliah tetap jika diminta oleh tempat-tempat yang tertentu seperti ke Rancangan Tanah Felda, KEMAS, Belia 4B dan Bank Bumiputera.
- d) Menèrbitkan buku-buku yang berunsur Islam dan majalah bulanan iaitu majalah Da'wah.
- e) Membuat penyelidikan buku-buku yang berunsur Islam yang diterbitkan di Malaysia dan di Luar Negeri dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- e) Meneceburkan diri di bidang pembangunan misalnya akan membina Kompleks Perniagaan.<sup>1</sup>

Memandangkan kepada banyaknya pertubuhan-pertubuhan da'wah yang terdapat di Wilayah Persekutuan, maka adalah diharapkan Umat Islam di sini dapat memanfaatkan peluang yang ada bagi memlapatkan ilmu-ilmu agama seterusnya dapat membentuk peribadi mereka sebagai mukmin dan muslim yang hakiki.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, MASA, Journal Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1971, hal.37.

## B. Pengertian tajuk

Untuk membincangkan tajuk ini dengan lebih jauh lagi, maka penulis merasakan sewajarnya untuk menghuraikan beberapa istilah yang mungkin akan dapat difahami dengan lebih jelas lagi setelah diberikan pendefinasianya. Penulis akan mendefinisikan beberapa istilah dan seterusnya merumuskan permasalahan-permasalahan dalam tajuk yang akan dihuraikan.

Sekiranya diteliti di permulaan tajuk penulisan ini, maka didapati istilah "Islamic Outreach" yang asalnya merupakan istilah Inggeris. Perkataan Islamic membawa pengertian 'sesuatu yang berbentuk Islam', manakala Outreach pula menurut Dr. Zaini Hamzah ialah :-

"Perkataan Outreach bukanlah merupakan perkataan asal Inggeris, tetapi istilah ini dapat menerangkan suatu konsep yang dapat difahami sendiri dari penggunaannya. Konsep ini ingin ditonjolkan dalam usaha membina koperat yang sekaligus menggambarkan bentuk aktiviti yang dibawanya. Islamic Outreach menggambarkan suatu konsep penyampaian risalah atau ajaran Islam langsung kepada saasanya".

Manakala ABIM pula merupakan singkatan kata dari Angkatan belia Islam Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 1971 oleh be-

---

<sup>1</sup>Dr. Zaini Hamzah, Kertas seminar kesedaran umat Islam untuk berda<sup>c</sup>wah kepada masyarakat belum Islam di Malaysia pada 21 Ogos 1980. Pusat Islam, Kuala Lumpur.

berapa orang tertentu. Salah seorang dari penguasanya ialah Menteri Pendidikan Malaysia sekarang ini iaitu Saudara Anwar Ibrahim.<sup>1</sup>

Menurut Kamus Dewan istilah pendekatan membawa dua pengertian. Pengertian pertama ialah perihal mendekati atau mendekatkan manakala pengertian kedua pula ialah kaedah, cara dan langkah-langkah dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas, mengatasi masalah dan lain-lain lagi.<sup>2</sup>

Manakala saudara baru pula ialah orang yang dijinakkan hatinya **المؤلفه بلوهم** atau dengan pengertian lain ialah orang yang baru memeluk agama Islam. Keseluruhan mereka ini masih lemah tentang keimanan dan perlu kepada bimbingan dalam masalah agama Islam.<sup>3</sup>

Ahli feqah membahagikan saudara baru kepada dua bahagian iaitu yang masih kafir dan yang telah memeluk agama Islam. Sementara yang masih kafir pula kepada dua iaitu seperti berikut :-

- a) Kafir yang diharap akan menerima agama Islam sebagai agamanya. Lantaran itu boleh diberi pertolongan kepadanya. Sebagaimana Nabi memberi pertolongan kepada Syafwan Ibnu Umayyah iaitu dengan memberi kepadanya 100 ekor unta ram-

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, MASA, op. cit., hal. 40

<sup>2</sup> Dr. Teuku Ikandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Kedua 1964, hal. 24.

<sup>3</sup> \_\_\_\_\_, MASA, Journal Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Bil 1 1978, hal. 79.

pasan perang dan tidak lama selepas itu beliau memeluk agama Islam.

- b) Kafir yang ditakuti kejahatannya boleh mengancam keselamatan orang Islam dengan itu mereka boleh diberi bahagian dari bahagian mualaf.

Manakala yang telah memeluk agama Islam pula Ulama' membahagikannya kepada 4 bahagian iaitu seperti berikut :-

- a) Mereka yang masih lemah imannya. Sebagaimana Nabi memberi pertolongan kepada 'Ady Ibnu Hatim.
- b) Mereka yang ada kawan yang setaraf dengannya yang masih kafir dengan diberi bantuan diharap dapat menarik temannya itu kepada Islam.
- c) Orang Islam yang tinggal di kawasan sempadan negeri dengan diberi bahagian daripada mualaf mereka akan membela ketenteraman rakyat negeri itu daripada disrang oleh musuh.
- d) Orang Islam yang diharap dengan melalui perantarsannya dapat menarik orang lain yang tidak mahu memberi zakat supaya mengeluarkan zakatnya.<sup>1</sup>

Setelah memberikan pendefinisan tentang tajuk pengkajian ini, penulis akan merumuskan pula beberapa permasalahan yang akan diuraikan dengan lebih mendalam di dalam bab 4 nanti. Penulis mengambil "Islamic Outreach" sebagai suatu bahan kajian terhadap usaha-usaha

---

<sup>1</sup>Ibid, hal. 80 - 81

da<sup>c</sup>wah terhadap golongan non-muslim dan saudara baru di Wilayah Persekutuan. Di antara permasalahan-permasalahan yang dikaji oleh penulis ialah bagaimanakah proses pembentukan Islamic Outreach ABIM dan apakah tujuan ABIM menentang program Outreach ini, apakah aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh Pihak Outreach terhadap usaha-usaha untuk menda<sup>c</sup>wahkan kedua golongan ini. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Pihak Outreach ini dan akhirnya apakah perancangan masa depan Islamic Outreach ke arah mempertingkatkan usaha da<sup>c</sup>wah mereka. Segala persoalan ini akan terjawab dalam bab 4 nanti.

### C. Tujuan penulisan

Tujuan utama penulisan ini ialah sebagai suatu tugas kusus yang dipertanggungjawabkan ke atas semua pelajar Fakulti Usuluddin bagi memperolehi Ijazah Sarjana Kulinanya.

Ianya juga bertujuan untuk mengkaji adakah metod da<sup>c</sup>wah yang digunakan oleh Islamic Outreach bertepatan dengan metod-metod da<sup>c</sup>wah yang telah digariskan oleh Al-Quran dan As-Sunnah.

Penulis juga ingin meninjau sejauh manakah peranan kerajaan terhadap usaha-usaha da<sup>c</sup>wah di kalangan non muslim dan saudara baru di Malaysia.

Penulisan ini juga diharapkan dapat memberi kemanfaatan kepada pengkaji-pengkaji seterusnya sebagai suatu bahan rujukan mereka dan agar ianya dapat menambahkan bahan-bahan penyelidikan mengenai

antara-kegiatan dakwah Islamiah di Malaysia. Adalah dirasakan perlu untuk mengkaji dan meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru dan mencadangkan cara-cara untuk membantu segala permasalahan yang mereka hadapi.

Penulis juga ingin mengkaji apakah faktor-faktor yang mendorong golongan non muslim di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan sendiri untuk memeluk agama Islam yang suci ini. Adakah mereka ini memeluk agama Islam atas dasar kesedaran mereka sendiri ataupun adakah ada faktor-faktor lain yang mendorong mereka untuk memeluk agama Islam yang suci ini.

## B. Metodologi

Penulisan ini menggunakan beberapa metod dalam usaha penyempurnaan. Metod-metod yang digunakan oleh penulis ialah seperti berikut :-

### 1. Metod penentuan subjek.

Dalam menentukan subjek kepada penyelidikan ini, penulis telah memilih Islamic Outreach sebagai subjek pengkajiannya. Ini adalah kerana ia merupakan salah satu program untuk memberikan bimbingan kepada saudara baru dan menerangkan Islam dengan sebenarnya kepada golongan non muslim.

Penelitian sampel ini dibuat adalah memandarkan kepada populasi yang banyak dan mustahil bagi penulis mengkaji kesemuanya.

## 2. Metod pengumpulan data.

Dalam usaha untuk mengumpulkan data-data, penulis telah menggunakan metod-metod seperti berikut :-

### a. Metod historis.

Iaitu penyelidikan yang dibuat untuk mencari sejarah penubuhan Islamic Outreach dan latarbelakang tempat kajian.

### b. Metod dokumentasi.

Iaitu penulis mencari dokumen-dokumen yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

### c. Metod interviu.

Iaitu satu cara pengumpulan data secara terus kepada responden, dilakukan melalui interviu dengan tokoh-tokoh yang berkaitan dan a<sup>c</sup>rif tentang program ini juga mereka yang ada kaitan dengan program ini.

### d. Metod observasi.

Iaitu cara pengumpulan data dengan menggunakan pengamatan secara langsung terhadap subjek penyelidikan. Ini termasuklah pengalaman penulis dalam menghadiri aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh Pihak Outreach.

## 3. Metod analisa data.

Untuk menganalisa data-data yang diperolehi, penulis menggunakan metod-metod berikut :-

### a. Metod Induktif.

Iaitu cara mengambil kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa, yang ianya bersifat khusus untuk dijadikan kesimpulan yang le-

lebih umum.

b. Metod Deduktif.

ialitu cara membuat kesimpulan yang bertentuk umum beriasarkan kesimpulan yang bersifat khusus.

c. Metod Komparatif.

ialitu membuat kesimpulan dari perbandingan terhadap fakta yang diperolehi. Huraian lanjut akan diterangkan dalam bab 3 ialitu Metodologi.

B. Susunan penulisan

Penulisan ini terbahagi kepada 5 bab. Bab yang pertama ialah bab pendahuluan. Di dalam bab ini, penulis telah cuba menghuraikan latar belakang Wilayah Persekutuan dari sudut sejarah, geografi, penduduk dan aktiviti-aktiviti da<sup>c</sup>wah yang terdapat di sini. Kemudian penulis mendefiniskan pula istilah-istilah yang terdapat dalam buku yang dibahasakan, lalu dirumuskan pula permasalahan-permasalahan yang dikaji. Penulis juga telah memberikan sebab-sebab tentang kajian ini. Penulis juga telah mengemukakan metod-metod yang digunakan di dalam pengkajiannya. Akhirnya dalam bab pertama ini penulis telah menerangkan cara-cara penulisan.

Dalam bab kedua pula, penulis telah menyentuh tentang landasan teori yang dijadikan landasan dalam pengkajian seterusnya. Landasan-landasannya ialah seperti pengertian da<sup>c</sup>wah Islamiah, keperluan da<sup>c</sup>wah, hukum-hukum berda<sup>c</sup>wah, isi dan metod da<sup>c</sup>wah itu ser-

diri. Untuk menjadikan pengkajian ini lebih jelas serta dapat di fahami dengan lebih mendalam penulis telah cuba menghuraikan beberapa pendapat ulama' di dalam bab ini.

Manakala bab 3 pula membincangkan tentang metod-metod yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan data-data yang diperlukan semasa melalui penentuan subjek, pengumpulan data sehingga kepada penamalisaannya.

Bab keempat pula merupakan bab yang terpenting di antara keseluruhan bab dalam pengkajian ini. Ia merupakan kemuncak kepada penyelidikan ini di mana penulis telah mengemukakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pihak Outrech dan cara penyampaian da'wahya terhadap golongan non muslim dan saudara baru.

Dalam bab kelima pula yang merupakan bab terakhir dalam pengkajian ini, penulis telah membuat satu kesimpulan dengan di sertakan beberapa saranan untuk mempertingkatkan usaha-usaha da'wah di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan.